



MANFAAT TEKNOLOGI: Encik Lee dan isteri, Cik Lee, melambai kepada Encik S. Iswaran dan wakil Siemens di Singapura menerusi video secara langsung dari Munich semalam. – Foto THE STRAITS TIMES

Singapura terus perkasa ekonomi dengan prasarana, daya usaha digital

EKONOMI digital ialah ciri utama ekonomi Singapura, kata Perdana Menteri Lee Hsien Loong semalam.

Beliau berkata demikian menerusi video dari Munich setelah melancarkan bersama hab khidmat digital dan analitik data baru yang menyepadukan sektor seperti pengangkutan, penjagaan kesihatan, pengilangan dan tenaga dalam teknologi Internet of Things (IoT).

Hab berkenaan ditubuhkan syarikat teknologi gergasi Jerman, Siemens, yang “akan menyokong peluang yang semakin banyak bagi syarikat, agensi pemerintah dan individu membangunkan bersama huraian digital inovatif dalam ruang perindustrian IoT”, menurut pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Beh Swan Gin yang ditukil *The Straits Times*.

Siemens akan bekerjasama dengan rakan se-

tempat bagi membina wadah sofwe pengurusan tenaga untuk merangsang perancangan, pemantauan dan penyelenggaraan rangkaian elektrik SP Group.

Siemens juga akan menolong cabang elektronik Singapore Technologies Engineering, ST Electronics, membangunkan aplikasi jalan raya, pelabuhan, lapangan terbang dan kereta api, serta bekerjasama dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dalam bidang seperti kenderaan pandu sendiri dan bangunan hijau.

Ketua Eksekutif Siemens Joe Kaeser menjelaskan bahawa perubahan digital ialah “masa depan kolektif kita – mengenai pekerjaan, kemakmuran, masyarakat secara am” dan memerlukan perancangan jangka panjang seperti daya usaha Negara Bijak.

Beliau juga menarik perhatian terhadap La-

uan Downtown yang tidak ada pemandu dan menggunakan teknologi Siemens bagi aspek automasi dan bekalan tenaga sebagai antara contoh peranan syarikatnya dalam membina prasarana negara ini.

Dalam kenyataannya, ketua eksekutif SP Group Wong Kim Yin berkata:

“Teknologi digital generasi mendatang yang dihasilkan oleh SP Group serta Siemens akan merangsang keandalan dan daya tahan rangkaian elektrik Singapura yang sudah bertaraf dunia.”

Encik Lee bersama Encik Kaeser melancarkan hab itu di Munich, manakala Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Perusahaan) S. Iswaran dan ketua eksekutif Siemens Singapore Armin Bruck melancarkan hab di sini.